

# Malawati

"Usaha Untuk Rakyat"



Majlis Perbandaran Kuala Selangor

[www.mpks.gov.my](http://www.mpks.gov.my)

Mei - Ogos 2023



## ULANG TAHUN KE-2

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR  
7 OGOS 2023

Lawatan Kerja MPKS ke MBPJ, MBSJ, MPKj dan MPHS serta MPKL

3

Operasi Kilang Sitaan Tanpa Kebenaran

15

Pilihan Raya Umum Dewan Negeri Selangor ke-15

20



## MEI

- Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kuala Selangor ke Majlis Bandaraya Petaling Jaya
- Lawatan Pelajar Tahun 2 Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Fakulti Alam Bina, UiTM
- Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kuala Selangor ke Majlis Bandaraya Subang Jaya
- Rumah Terbuka Jelajah #Kita Selangor Aidilfitri 2023 Daerah Kuala Selangor
- Penilaian Awal Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor 2023
- Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kuala Selangor ke Majlis Perbandaran Kajang
- Lawatan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) ke Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS)
- Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kuala Selangor ke Majlis Perbandaran Hulu Selangor
- Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit
- Perhimpunan Bulanan dan Sambutan Hari Raya 2023 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Lawatan Delegasi dari Taylor University
- Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kuala Selangor ke Majlis Perbandaran Kuala Langat
- Program ToT Penggerak SHIELDS
- Laporan Pembangunan Semula Pekan Lama Kuala Selangor
- Lawatan Kerja Pengerusi PERKEP Kontinjen Selangor Bersama PERKEP Ibu Pejabat Daerah Kuala Selangor
- Majlis Perpisahan, Persaraan En. Lokman Bin Ujang dan En. Sazlan Hakeem Bin Mazalan

## JUN

- Taklimat Pemantapan Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)
- Kenduri Rakyat dan Program Pemberian Bantuan kepada Pesawah oleh Dato' Menteri Besar Selangor
- Perlantikan Persahabatan PlanMalaysia Selangor
- Undian Perolehan Kerja bagi Peruntukan Marris 2023
- Audit Dalam Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)
- Kursus Perkhidmatan Pelanggan Cemerlang Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Program Hari Bersama Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2023
- Lawatan Tapak Pemulihan Projek Terbangkalai Desa Kerayong Indah, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor
- Taklimat Kes Undang-Undang Berkenaan Cukai Taksiran Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Operasi Bersepadu Premis Snuker

## JULAI

- "National Plastic Busters Beach River Park Clean Up 2023" Serentak di Seluruh Malaysia
- "Program Love Our Beach" oleh Yayasan Tengku Zafrul Aziz
- Perhimpunan Pagi Majlis Perbandaran Kuala Selangor Bil. 4/ 2023
- Operasi Bersepadu Kilang Haram di Ijok
- Operasi Sitaan Premis Sewaan Milik Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Program Outreach dan Advokasi Kepenggunaan Peringkat Negeri Selangor
- Operasi Pemantauan Haiwan Peliharaan di Kawasan Ijok, Jeram dan Bestari Jaya
- FAM Trip Matta Kedah Chapter melalui Matta Selangor oleh TSSB
- Lawatan Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan di Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Operasi Sitaan Kilang Tanpa Kebenaran di Kuala Selangor
- Pencapaian Setengah Tahun Sasaran Kerja Tahunan 2023
- Mesyuarat Jawatankuasa Temuduga Sewaan Premis Bil.3/ 2023

## OGOS

- Bengkel Pemahaman dan Peluang Penambahbaikan Pelan Pengurusan Risiko
- Penamaan Calon Pilihan Raya Umum Dewan Negeri Selangor Ke-15
- Operasi Bersepadu Aduan Lalat di Jalan Raja Abdullah Jeram
- Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-2 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Edaran Pulut Kuning Sempena Ulang Tahun Ke-2 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Hari Bertemu Pelanggan Majlis Perbandaran Kuala Selangor di Lotus's Kuala Selangor dan Lotus's Puncak Alam
- Undi Awal Pilihan Raya Umum Dewan Negeri Selangor Ke-15
- Taklimat dan Persediaan Pilihan Raya Umum Dewan Negeri Selangor Ke-15
- Pilihan Raya Umum Dewan Negeri Selangor Ke-15, Dun N-10 Bukit Melawati, Dun N-11 Ijok dan Dun N-12 Jeram
- Lawatan Kerja Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ke Majlis Perbandaran Selangor
- Pemantauan Aduan Pencemaran Parit di Ijok
- Lawatan Pegawai Pengurusan Atasan Jabatan Kerja Raya Malaysia
- Operasi Bersepadu Pemantauan Aduan Semula Pencemaran Bau Bio Gas Plan di Jalan Mat Shah Jeram
- Operasi Bersepadu Pemantauan dan Penangkapan Haiwan Ternakan di Kawasan Awam Daerah Kuala Selangor
- Penilaian Awal Anugerah Inovasi Negeri Selangor Peringkat Daerah Kuala Selangor 2023
- Lawatan ke Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz dan Istana Alam Shah Klang
- Program Pemeriksaan Ibu Tunggal 2023
- Bengkel Pemantapan Kawalan Seni Bina dan Reka Bentuk Berdasarkan Undang2 Kecil Bangunan Seragam 1986 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Program MyCSR X Tourism Selangor Bersempena "Malaysia Business Events Week 2023" (MBEW 2023)
- Sambutan Hari Kebangsaan ke-66 Peringkat Negeri Selangor

# Sidang Redaksi BULETIN MALAWATI

### **Penaung**

TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar AIS, PPC,  
myusli@mpks.gov.my

### **Editor**

Puan Norrini binti Mohd Ladzim  
norrini@mpks.gov.my

### **Pengarang**

Encik Aliff Amani bin Jumeren  
aliff@mpks.gov.my

### **Penolong Pengarang**

Encik Hisyamuddin bin Zakaria  
hisyamuddin@mpks.gov.my

### **Jurufoto, Rekabentuk dan Susunan**

Encik Norirwan Sahril bin Mohmed Mogi  
irwanshah@mpks.gov.my

# LAWATAN KERJA MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR KE MBPJ, MBSJ, MPKj DAN MPHS SERTA MPKL 9 - 23 Mei 2023

Jabatan Kawalan Bangunan MPKS telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Subang Jaya, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Hulu Selangor serta Majlis Perbandaran Kuala Langat. Lawatan ini bertujuan sebagai pemantapan tatacara kerja jabatan dan unit yang terlibat dalam penggunaan Akta 133.

Selain itu, ia juga menjadi platform pertukaran idea antara kedua-dua PBT dan menambahbaik perkhidmatan serta penguatkuasaan oleh Jabatan Kawalan Bangunan MPKS di daerah Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

“Usaha untuk rakyat”

# RUMAH TERBUKA JELAJAH #KITASELANGOR AIDILFITRI 2023 DAERAH KUALA SELANGOR 13 Mei 2023



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

## PENILAIAN AWAL MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR 2023 15 Mei 2023

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menyertai Penilaian Awal Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (MPIPANS) tahun 2023, pada 15 Mei 2023 (Isnin) di Bilik Gerakan, Tingkat 2, Bangunan Annex, Bangunan Dewan Negeri Selangor.

Sebanyak 3 kumpulan yang mewakili MPKS iaitu Kumpulan 7575 (Jabatan Pembangunan Masyarakat – Projek My Flexi Truck), Kumpulan E-Ten (Jabatan Penguatkuasaan – Projek Ino 22) dan Kumpulan Peaharta (Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta - Kaunter Semak Timbangan Layan Diri).



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# LAWATAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN) 17 Mei 2023



Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

## JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT

18 Mei 2023

Warga MPKS turut serta dalam Program Jom Baca 10 Minit pada 18 Mei 2023. Bertemakan 'Baca Bina Insan', Program Jom Baca 10 Minit ini merupakan satu usaha untuk memupuk budaya membaca dan berilmu dalam kalangan rakyat Malaysia.

Jom luangkan masa 10 minit untuk membaca setiap hari dan mewujudkan rakyat Madani yang gemar membaca.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

## PERHIMPUNAN BULANAN DAN SAMBUTAN HARI RAYA 2023 MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 19 Mei 2023

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Perhimpunan Pagi Bil. 3/2023 yang telah dihoskan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan di Dewan Bandar Baru, Kuala Selangor.

Ucuptama perhimpunan ini telah disempurnakan oleh TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS diiringi oleh Encik Ahmad Jamzuri bin Mujaini, Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPKS. Perhimpunan ini turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan/ unit dan kakitangan MPKS. Dalam masa yang sama turut diadakan Majlis Sambutan Aidilfitri MPKS.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

“Usaha untuk rakyat”

# PROGRAM TOT PENGGERAK SHIELDS

23 Mei 2023

Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKS dan Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Kuala Selangor telah menganjurkan Program Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS) di Dewan Bandar Baru, Kuala Selangor.

Program ini melibatkan Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor yang telah disertai 30 orang guru kaunselor dan Jawatankuasa PIBG di Daerah Kuala Selangor bagi menjayakan misi Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Kuala Selangor untuk bersama-sama membanteras najis dadah.



# LAPORAN PEMBANGUNAN SEMULA PEKAN LAMA KUALA SELANGOR

26 Mei 2023



# MAJLIS PERPISAHAN, PERSARAAN EN. LOKMAN BIN UJANG DAN EN. SAZLAN HAKEEM BIN MAZALAN

26 Mei 2023

Satu majlis ringkas telah diadakan sempena menghargai kakitangan MPKS, Encik Lokman bin Ujang, Penolong Pegawai Penguatkuasa MPKS yang bersara pada tahun 2023. Dalam masa yang sama, Encik Sazlan Hakeem bin Mazalan, Ketua Unit Pelancongan MPKS turut menamatkan perkhidmatan di MPKS dan berpindah ke Majlis Bandaraya Shah Alam. MPKS merakamkan ucapan terima kasih diatas jasa bakti yang telah dicurahkan selama ini.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

## OPERASI BERSEPADU PEMANTAUAN DAN PENANGKAPAN HAIWAN TERNAKAN DI KAWASAN AWAM

30 Mei 2023

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menjalankan operasi pemantauan dan penangkapan haiwan ternakan yang berada di kawasan laluan awam dan perumahan pada 30 Mei 2023.

Operasi ini dijalankan di sekitar kawasan Bestari Jaya, Ijok dan Jeram. Sebanyak dua ekor lembu di Jalan Api-Api dan Jalan Mat Shah telah berjaya ditangkap dan disita. Pengeluaran kompaun akan diberikan kepada pemilik ternakan terbabit semasa proses tuntutan dilakukan. Operasi ini dijalankan dengan kerjasama Ibupejabat Polis Daerah Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

“Usaha untuk rakyat”

# TAKLIMAT PEMANTAPAN AMALAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

6 Jun 2023

Unit Korporat dan Perhubungan Awam MPKS telah menganjurkan Taklimat Pemantapan Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di Dewan Bandar Baru, Kuala Selangor. Objektif utama penganjuran taklimat ini adalah untuk memantapkan lagi kualiti dan produktiviti perkhidmatan persekitaran kondusif. Matlamatnya adalah untuk bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi kerja berkualiti dengan mematuhi piawaian kerja yang jelas dan memupuk semangat berpasukan.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# KENDURI RAKYAT DAN PROGRAM PEMBERIAN BANTUAN KEPADA PESAWAH OLEH DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

9 Jun 2023

YAB Dato Seri Amiruddin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah hadir ke Masjid Jame' At-Tuqo, Kampung Sungai Sireh sempena Kenduri Rakyat dan Program Pemberian Bantuan kepada Pesawah yang mengalami pengurangan hasil padi.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# PERLAWANAN PERSAHABATAN PLANMALAYSIA@SELANGOR

9 Jun 2023

PlanMalaysia Selangor telah berkerjasama dengan MPKS dalam menganjurkan perlawanan persahabatan antara Pasukan Zon Tengah SUKNA ke-20 bersama MPKS. Tujuan Pra SUKNA Siri 2 ini adalah sebagai persediaan atlit-atlit sebelum ke Kejohanan Sukan Nasional Perancangan Bandar dan Desa ke-20 yang akan berlangsung pada 3-6 Ogos 2023 di Pahang.



Sumber : Kelab Sukan Kebajikan dan Rekreasi



## UNDIAN PEROLEHAN KERJA BAGI PERUNTUKAN MARRIS 2023

13 Jun 2023

Perolehan kerja secara undian bagi peruntukan MARRIS 2023 telah berlangsung pada 13 Jun 2023 di Dewan Bandar Baru, Kuala Selangor. Sebanyak 11 tawaran kerja undi telah dilaksanakan melibatkan 139 orang kontraktor G1 daerah Kuala Selangor. Cabutan undi telah disempurnakan oleh Setiausaha MPKS, TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar serta dihadiri oleh Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Daerah Kuala Selangor.



Sumber : Unit Perolehan dan Ukur Bahan

## AUDIT DALAMAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

15 Jun 2023



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

## KURSUS PERKHIDMATAN PELANGGAN CEMERLANG MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

15-17 Jun 2023

Unit Korporat dan Perhubungan Awam MPKS telah menganjurkan Kursus Perkhidmatan Pelanggan Cemerlang di Hatten Hotel, Melaka. Seramai 40 orang kakitangan yang terlibat secara langsung dengan perkhidmatan kaunter ataupun petugas barisan hadapan telah menyertai kursus yang disampaikan oleh Institut Tadbiran Awam Negara. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan imej sebagai barisan hadapan dan mengaplikasikan sikap-sikap positif dalam perkhidmatan pelanggan.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

“Usaha untuk rakyat”

## HARI BERSAMA JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2023

17 Jun 2023

Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Hari Bersama Jawatankuasa Penduduk pada 17 Jun 2023 di Eco Grandeur Hall, Puncak Alam.

Seramai 150 orang dari Jawatankuasa Penduduk telah hadir untuk mendengar taklimat ini. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berusaha, Encik Ahmad Jamzuri bin Mujaini, Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPKS dan turut dihadiri ketua-ketua jabatan dan Ahli Majlis MPKS.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

## LAWATAN TAPAK PEMULIHAN PROJEK TERBENGKALAI DESA KERAYONG INDAH, MUKIM JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR

20 Jun 2023



Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

## TAKLIMAT KES UNDANG-UNDANG BERKENAAN CUKAI TAKSIRAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

20 Jun 2023

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Taklimat Kes Undang-Undang Berkaitan Cukai Taksiran pada 20 Jun 2023 bertempat di Courtyard by Marriott, Setia Alam. Penyertaan seramai 52 orang yang melibatkan 11 PBT di Negeri Selangor.

Taklimat ini dilaksanakan adalah untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan berkenaan kes mahkamah yang telah diputuskan sebagai rujukan serta panduan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengikut bidang masing-masing dengan lebih baik.



Sumber : Unit Perundangan

# OPERASI BERSEPADU PREMIS SNUKER

23 Jun 2023

Jabatan Penguatkuasa MPKS telah menjalankan Operasi Bersepadu di tiga premis snuker daerah Kuala Selangor. Operasi ini dijalankan bertujuan untuk semakan pematuhan syarat lesen dan memastikan tiada premis snuker yang beroperasi tanpa lesen oleh pengendali pusat snuker di daerah ini.

Hasil operasi mendapati satu pusat snuker di Jalan Medan Niaga 2 masih lagi ingkar arahan notis memberhentikan perniagaan dan meneruskan perniagaan tanpa lesen. Premis tersebut diarahkan tutup serta merta dan peralatan snuker turut disita di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1995.



Sumber : Jabatan Penguatkuasa

# OPERASI BERSEPADU KENDERAAN BERAT

25 Jun 2023

Jabatan Penguatkuasa MPKS telah menjalankan operasi bersepadu kenderaan berat di sekitar Kuala Selangor dan operasi ini dijalankan berikutan aduan awam mengenai kenderaan berat melebihi dua tan yang diparkir di kawasan taman perumahan, medan perniagaan dan bahu jalan sehingga mengakibatkan kerosakan jalan dan mengganggu keselamatan penduduk.

Dalam operasi tersebut, sebanyak 7 kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Taman (MDKS) 2005 telah dikeluarkan oleh MPKS atas kesalahan halangan kenderaan berat. Operasi ini dijalankan bermula jam 8.00 malam hingga 12.00 pagi melibatkan 14 anggota terdiri daripada Jabatan Penguatkuasa MPKS, Polis Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Selangor dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).




Sumber : Jabatan Penguatkuasa

“Usaha untuk rakyat”

## MAJLIS IBADAH KORBAN MPKS 2023

30 Jun 2023



Sumber : Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi

## “NATIONAL PLASTIC BUSTERS BEACH RIVER PARK CLEAN UP 2023” SERENTAK DI SELURUH MALAYSIA

8 Julai 2023

KDYMM SPB Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin telah mencemari melawat daerah Kuala Selangor sempena Program National Plastic Busters 2023 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Kuala Selangor.

KDYMM SPB Raja Permaisuri Agong turut berkenan melawat Muzium Daerah Kuala Selangor di Pusat Pelancongan Bukit Malawati sambil diiringi oleh Tuan Mohd Raiz bin Radzuan, Pegawai Daerah Kuala Selangor, TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS dan Supt. Ramli bin Kasa, Ketua Polis Daerah Kuala Selangor.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

## “PROGRAM LOVE OUR BEACH” OLEH YAYASAN TENGGU ZAFRUL AZIZ

9 Julai 2023



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# PERHIMPUNAN PAGI

**MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR BIL. 4/ 2023**

10 Julai 2023

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Perhimpunan Pagi Bil. 4/2023 yang telah dihoskan oleh Jabatan Pelesenan di Dewan Bandar Baru, Kuala Selangor.

Ucaptama perhimpunan ini telah disempurnakan oleh TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS diiringi oleh Encik Ahmad Jamzuri bin Mujaini, Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPKS dan Encik Mohammed Zakir bin Mohammed Zahid, Pengarah Jabatan Pelesenan. Perhimpunan ini turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan/ unit dan kakitangan MPKS.



Sumber : Jabatan Pelesenan

## OPERASI BERSEPADU KILANG HARAM DI IJOK

11 Julai 2023

Jabatan Penguatkuasa MPKS telah menjalankan operasi bersepadu kilang tanpa kebenaran melibatkan sebuah kilang e-Waste dan kilang baja di Jalan Harmoni, Ijok pada 11 Julai 2023.

Operasi ini dijalankan berikutan aduan penduduk mengenai kacauganggu bau yang di keluarkan oleh kilang yang menjalankan aktiviti pemerolehan kembali sisa barangan elektrik/elektronik yang dikategorikan buangan terjadual SW110 (ewaste) dan sebuah kilang lagi memproses baja kimia. Operasi ini dijalankan dengan kerjasama Ibupejabat Polis Daerah Kuala Selangor dan Jabatan Alam Sekitar.



Sumber : Jabatan Penguatkuasa

“Usaha untuk rakyat”

# OPERASI SITAAN PREMIS SEWAAN MILIK MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

13 Julai 2023

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPKS telah mengadakan operasi sitaan premis sewaan milik Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Operasi ini dijalankan terhadap penyewa yang gagal menjelaskan bayaran sewaan seperti terkandung dalam perjanjian sewaan yang ditandatangani kedua pihak.



Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan harta

# OPERASI PEMANTAUAN HAIWAN PELIHARAAN DI KAWASAN IJOK, JERAM DAN BESTARI JAYA

13 Julai 2023



Sumber : Jabatan Kesihatan dan persekitaran

# FAM TRIP MATTA KEDAH CHAPTER

13 Julai 2023



Sumber : Unit Pelancongan

## LAWATAN INSPEKTORAT PEMATUHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN DI MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 18 Julai 2023

Lawatan Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan di Majlis Perbandaran Kuala Selangor di Bilik Mesyuarat Malawati. Auditan ini diketuai oleh Puan Nurul Adha binti Yahaya, Timbalan Pengarah Keselamatan Kerajaan Negeri Selangor selaku Ketua Panel Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Negeri Selangor.

Audit ini dilaksanakan bagi mengambil tindakan ke atas maklum balas laporan dan melawat beberapa tempat seperti bilik kawalan, bilik 'server', bilik CCTV dan kaunter khidmat setempat untuk pemantauan.




Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

## OPERASI SITAAN KILANG TANPA KEBENARAN 20 Julai 2023

Jabatan Penguatkuasa MPKS telah menjalankan operasi bersepadu kilang tanpa kebenaran di Assam Jawa pada 20 Julai 2023. Operasi ini dijalankan hasil maklumat orang awam, risikan Jabatan Penguatkuasa MPKS dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengenai kilang kitar semula e-Waste yang beroperasi di kawasan kampung melakukan kacauganggu bau.

Semasa pemeriksaan dibuat, didapati premis disyaki menyimpan dan memproses buangan terjadual seperti metal dross, buangan bateri kering, Plastic Circuit Board (PCB) serta buangan copper scrap. Kilang tersebut diarahkan tutup serta merta dan dikenakan kompaun ekoran kesalahan tidak memiliki lesen aktiviti mengilang dan sitaan turut dikenakan melibatkan tiga unit Forklift.



Sumber : Jabatan Penguatkuasa

“Usaha untuk rakyat”

# MESYUARAT JAWATANKUASA TEMUDUGA SEWAAN PREMIS BIL.3/ 2023

24 Julai 2023

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPKS telah mengadakan Sesi Temuduga Sewaan Premis di Bilik Mesyuarat Malawati, MPKS. Sesi temuduga ini telah dipengerusikan oleh Yang Dihormati Dato' Mohamad Yaacob bin Dato' Ismail, Dato' Penggawa Permatang Paduka Maha Bijaya Orang Besar Daerah Kuala Selangor dan turut hadir bersama Ahli Majlis Kawasan.

Seramai 26 orang telah dipanggil untuk sesi temuduga kali ini melibatkan 16 unit premis. Pihak Majlis ingin merakamkan ucapan tahniah kepada yang berjaya dan terima kasih kepada pemohon yang hadir pada sesi kali ini.



Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

# BENKEL PEMAHAMAN DAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN PELAN PENGURUSAN RISIKO

28-30 Julai 2023



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam



# PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA UMUM

**DEWAN NEGERI SELANGOR KE-15** 29 Julai 2023

Proses Penamaan Calon Pilihan Raya Umum Dewan Negeri Selangor ke-15 untuk N.10 Bukit Melawati, N.11 Ijok dan N.12 Jeram di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Kuala Selangor. Proses penamaan calon ini berjalan lancar dan MPKS selaku urusetia Suruhanjaya Pilihan Raya merakamkan ucapan terima kasih kepada agensi-agensi yang terlibat sepanjang proses ini berlangsung.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# OPERASI BERSEPADU ADUAN LALAT

**DI JALAN RAJA ABDULLAH JERAM** 2 Ogos 2023

Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS telah menjalankan operasi pemeriksaan bersama Pejabat Veterinar Daerah Kuala Selangor serta IPD Kuala Selangor berkaitan aduan kacauganggu lalat di Jalan Raja Abdullah, Jeram pada 2 Ogos 2023.

Operasi pemeriksaan ini dijalankan berikutan aduan penduduk kampung sekitar berkenaan kacauganggu lalat yang mengganggu keselesaan dan menjejaskan kehidupan seharian penduduk. Operasi ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kuala Selangor dan Ibupejabat Polis Daerah Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

“Usaha untuk rakyat”

# SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN KE-2 MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 4-7 Ogos 2023

Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-2 Majlis Perbandaran Kuala Selangor, telah berlangsung Majlis Bacaan Yasin dan edaran pulut kuning di 6 buah masjid terpilih untuk meraikan kesyukuran. Selain itu, turut diadakan pelbagai diskaun pembayaran pelbagai kompaun, tempat letak kereta percuma serta diskaun tiket pelancongan perkhidmatan trem Bukit Malawati dan Santuari Kelip-Kelip Kg. Kuantan.

Bagi memenuhi aspirasi pelanggan, MPKS turut mengadakan Kaunter Hari Bertemu Pelanggan yang berlangsung di Lotus's Kuala Selangor dan Lotus's Puncak Alam. Peserta yang bertuah turut diberikan cenderahati eksklusif dan Baucar Lotus's Malaysia.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# UNDI AWAL PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI SELANGOR KE-15

8 Ogos 2023

Sekitar sesi undi awal anggota Ibupejabat Polis Daerah Kuala Selangor di pusat mengundi Ibupejabat Polis Daerah Kuala Selangor sempena Pilihan Raya Negeri (PRN) Dewan Negeri Selangor bermula jam 8.00 pagi. TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Pegawai Pengurus Pilihan Raya turut meninjau kelancaran proses penguasaan undi awal ini.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# TAKLIMAT DAN PERSEDIAAN PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI SELANGOR KE-15

10 Ogos 2023

Sebagai persiapan akhir menjelang pilihan raya, telah berlangsung Sesi Semakan Peti Undi dan Peralatan Pilihan Raya Petugas Pilihan Raya di Stadium Tertutup, Komplek Sukan Kuala Selangor. TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Pegawai Pengurus Pilihan Raya turut menyampaikan amanat dan taklimat kepada petugas pilihan raya.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

“Usaha untuk rakyat”

# PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI SELANGOR KE-15, DUN N.10 BUKIT MELAWATI, DUN N.11 IJOK DAN DUN N.12 JERAM 12 Gogs 2023

Pilihan Raya Umum Dewan Negeri Selangor ke-15 berjaya dilaksanakan dengan jayanya melibatkan 3 Dewan Negeri yang diuruskan oleh MPKS iaitu Dun N.10 Bukit Melawati, Dun N.11 Ijok dan Dun N.12 Jeram.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

## PEMANTAUAN ADUAN PENCEMARAN PARIT DI IJOK

17 Ogos 2023

Jabatan Kesihatan dan Persekitaran dan Jabatan dalaman MPKS telah menjalankan operasi bersepadu bersama Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor susulan aduan pencemaran parit di Jalan Ijok, Bestari Jaya pada 17 Ogos 2023.

Operasi ini dijalankan berikutan aduan penduduk mengenai pelepasan sisa buangan hampas soya mengalir ke dalam parit. Punca pencemaran dikesan akibat aktiviti pemprosesan dan pembuatan tempe yang beroperasi di sebuah rumah sewa mengakibatkan kacaugunggu bau dan lalat.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

## OPERASI BERSEPADU PEMANTAUAN ADUAN SEMULA PENCEMARAN BAU BIO GAS PLAN DI JALAN MAT SHAH JERAM

22 Ogos 2023

Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor, Lembaga Urus Air Selangor dan Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan operasi bersepadu pemantauan semula aduan pencemaran bau ladang ternakan ayam (biogas plant) di Jalan Mat Shah Off Jalan Raja Abdullah, Jeram pada 22 Ogos 2023.

Operasi ini dijalankan berikutan aduan penduduk mengenai kacaugunggu bau yang berulang pada 5 Ogos 2023. Siasatan di tapak mendapati premis menjalankan penjana biogas hasil daripada sisa buangan ternakan ayam.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

“Usaha untuk rakyat”

## OPERASI BERSEPADU PEMANTAUAN DAN PENANGKAPAN HAIWAN TERNAKAN DI KAWASAN AWAM DAERAH KUALA SELANGOR

22 Ogos 2023

Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS dengan kerjasama Ibupejabat Polis Daerah Kuala Selangor telah menjalankan operasi pemantauan dan penangkapan haiwan ternakan yang berada di kawasan laluan awam dan perumahan di sekitar Jeram dan Bestari Jaya.

Operasi ini dijalankan berikutan aduan awam mengenai kacauganggu bau dan haiwan ternakan berkeliaran di laluan awam. Sebanyak enam ekor lembu dan satu ekor kambing telah berjaya ditangkap dan disita. Pengeluaran kompaun akan diberikan kepada pemilik ternakan terbabit semasa proses tuntutan dilakukan.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

## PENILAIAN AWAL ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR PERINGKAT DAERAH KUALA SELANGOR 2023

23 Ogos 2023

Sesi Penilaian Awal Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2023 Peringkat Daerah Kuala Selangor di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Kuala Selangor melibatkan 25 kumpulan terdiri daripada sektor awam, institusi pengajian tinggi dan sekolah.

MPKS merakamkan ucapan selamat maju jaya kepada kumpulan-kumpulan yang bertanding dan berharap agar kumpulan dari daerah Kuala Selangor dapat menempa nama di pusingan akhir yang akan berlangsung pada Disember 2023.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# LAWATAN KE GALERI DIRAJA SULTAN ABDUL AZIZ DAN ISTANA ALAM SHAH KLANG

24 Ogos 2023

Seramai 35 orang kakitangan Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengikuti Lawatan Ilmiah ke Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz dan Istana Alam Shah, Klang pada 24 Ogos 2023.

Lawatan bermula di Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz dan diikuti Istana Alam Shah. Lawatan ilmiah ini bertujuan memberi pendedahan mengenai adat istiadat Istana Selangor kepada warga MPKS yang hadir ke lawatan ini. Terima kasih diucapkan kepada pihak pengurusan Istana Alam Shah kerana sudi menerima kunjungan Delegasi MPKS.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

# PROGRAM PEMERKASAAN IBU TUNGGAL 2023

25 Ogos 2023

Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKS telah menganjurkan Program Memperkasa Ibu Tunggal Daerah Kuala Selangor 2023 di Dewan Berembang, Pusat Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan. Program ini bertujuan untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal melalui sesi penerangan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Selangor dan Lembaga Zakat Selangor. Majlis telah disempurnakan oleh Encik Ahmad Jamzuri bin Mujaini, Timbalan Setiausaha MPKS.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

# SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-66 PERINGKAT NEGERI SELANGOR

30 Ogos 2023

Melangkah gagah kontinjen Majlis Perbandaran Kuala Selangor sambil diiringi maskot “kelip-kelip” sempena perbarisan dan perarakan Sambutan Hari Kebangsaan ke-66 Peringkat Negeri Selangor 2023 yang telah berlangsung di Dataran Kemerdekaan Shah Alam.

Kontinjen Majlis Perbandaran Kuala Selangor terdiri daripada 44 orang anggota yang diketuai Shahrizan bin Apandi, Pembantu Penguatkuasa MPKS. Turut hadir sama ke sambutan ini TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS dan kakitangan MPKS.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan